

Jangan ambil antibiotik sesuka hati - FOMCA

PETALING JAYA 15 Mac - Orang ramai diminta supaya menghentikan pengambilan antibiotik di luar jadual ubat yang kononnya untuk menambahkan ketahanan badan daripada serangan penyakit.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abdul Rahman berkata, terdapat tabiat dalam kalangan orang ramai yang suka mengambil antibiotik walaupun doktor tidak mengarahkan berbuat demikian.

"Disebabkan banyaknya penggunaan dan penyalahgunaan antibiotik telah menyebabkan bakteria di dalam badan menjadi punca penyakit semakin kebal atau imun terhadap antibiotik.

"Malah berlaku peningkatan jumlah bakteria yang lebih kebal terhadap antibiotik," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar Hari Hak-hak Pengguna Sedunia yang disambut pada 15 Mac setiap tahun dengan tema 'Jauhkan Antibiotik Daripada Menu' di ibu pejabat FOMCA, di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Operasinya, Saravanan Thamirajah dan Eksekutif Polisi dan Penyelidikannya, Sharvin Subramaniam.

Mohd. Yusof berkata, antibiotik hanya perlu diambil dengan nasihat doktor ketika mengalami kesakitan dan harus dihabiskan walaupun pesakit telah kembali pulih.

"Pesakit tidak perlu meminta antibiotik kononnya untuk menambah daya tahan penyakit sedangkan tidak semua penyakit berpunca daripada bakteria. Ini termasuklah demam dan selesema yang turut berpunca daripada virus," katanya.

Menurutnya, tanpa mengira latar belakang pesakit, sama ada bayi, kanak-kanak, sehinggalah golongan dewasa dan tua, mereka tidak dinasihatkan supaya mengambil antibiotik.

"Di hospital-hospital kerajaan pengambilan antibiotik



Disebabkan banyaknya penggunaan dan penyalahgunaan antibiotik telah menyebabkan bakteria di dalam badan menjadi punca penyakit semakin kebal atau imun terhadap antibiotik."

**MOHD. YUSOF
ABDUL RAHMAN**
Timbalan Presiden FOMCA

adalah terkawal dan hanya mengikut nasihat doktor. Yang kita bimbang apabila syarikat-syarikat farmasi, klinik-klinik dan pusat rawatan swasta dengan mudah membenarkan pesakit membeli antibiotik walaupun sebenarnya tidak perlu," katanya.

Tambah beliau, di peringkat antarabangsa, penggunaan antibiotik didapati digunakan secara meluas dalam bidang penternakan.

"Ayam akan disuntik dengan antibiotik bagi tujuan mengelakkan penyakit dan mempercepatkan tumbesaran haiwan tersebut.

"Bagaimanapun di Malaysia, tiada sebarang kes membatikan penggunaan antibiotik ini dalam bidang penternakan," jelasnya.

